




KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : ismail@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



Ruj.Kami : JPA(S)NP.134/1 Klt.20/s.k 3(3)

Tarikh : 30 September 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

PENYIARAN KEPUTUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI YANG MASIH BELUM LULUS TAPISAN KEUTUHAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Saya dengan hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana sedia maklum, kerajaan telah mengumumkan keputusan pelaksanaan urusan kenaikan pangkat bagi Pegawai Kumpulan Sokongan yang berkhidmat 15 tahun dan lebih secara Khas Untuk Penyandang (KUP) berkuat kuasa mulai 1 Julai 2009. Pegawai yang layak dipertimbangkan adalah dikehendaki memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

3. Berikutan keputusan tersebut terdapat perakuan kenaikan pangkat yang tidak dapat dilaksanakan kerana pegawai yang terlibat masih belum lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

4. Bagi membolehkan semua keputusan kenaikan pangkat secara KUP dapat dilaksana dan disampaikan kepada pegawai, Jabatan Perkhidmatan Awam telah bersetuju supaya:

- i) penyiaran keputusan kenaikan pangkat pegawai yang masih belum lulus Tapisan Keutuhan SPRM disampaikan dengan

kenyataan "tertakluk kepada kelulusan Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan sekiranya pegawai gagal melepasi Tapisan Keutuhan SPRM, kenaikan pangkat ini akan terbatal berkuat kuasa mulai tarikh kenaikan pangkat ini" dinyatakan dalam surat penyiaran kenaikan pangkat; dan

- ii) bagi pegawai yang terlibat dengan tugas-tugas penguatkuasaan, penyiaran keputusan kenaikan pangkat hendaklah mendapat kelulusan Tapisan Keutuhan SPRM terlebih dahulu.

5. Sekiranya pegawai kemudiannya didapati tidak melepasi Tapisan Keutuhan SPRM setelah penyiaran keputusan dikeluarkan, kenaikan pangkat pegawai akan terbatal dan perkara ini hendaklah dimaklumkan kepada pegawai oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

6. Pelaksanaan kaedah ini adalah terpakai bagi tempoh interim **mulai tarikh kenaikan pangkat secara KUP pada 1 Julai 2009 hingga 30 Jun 2010** sahaja. Selepas tempoh ini, semua pegawai yang dipertimbangkan dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat perlu memenuhi syarat lulus Tapisan Keutuhan SPRM.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(**TAN SRI ISMAIL ADAM**)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA